



PERBADANAN NASIONAL BERHAD (9157-K)

LEVEL 9B, MENARA DATO' ONN, PUTRA WORLD TRADE CENTRE, 45, JALAN TUN ISMAIL, 50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.
TEL. : 03-2698 6670 FAX. : 03-2698 6617

Rujukan kami: PNS/FD/FBDD/HFU/ZAA/Francorp/07-07

9 Januari 2007

Francorp Malaysia Sdn. Bhd.
D 5-5 Megan Avenue 1,
189 Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.



Tuan,

SURAT PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PERUNDING DI BAWAH PERBADANAN NASIONAL BERHAD

Sukacita dimaklumkan bahawa firma tuan telah dilantik ke dalam Panel Perunding Francais di bawah Perbadanan Nasional Berhad.

Di bawah usahasama ini, sebagai panel perunding firma tuan adalah bertanggungjawab untuk:

1. Melaksanakan tugas perundingan di bawah Program Pembangunan Francais Tempatan (PPFT) anjuran PNS dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)
2. Mengenalpasti perniagaan yang berpotensi untuk difrancaiskan dan membantu mereka mendapatkan kemudahan pinjaman Pra-Francais daripada PNS. Kemudiannya, perunding dikehendaki membangunkan sistem francais perniagaan sehingga perniagaan itu dapat didaftarkan sebagai sebuah perniagaan francais. Yuran perundingan boleh dimasukkan di dalam amaun pinjaman yang dipohon oleh pemilik perniagaan dengan jumlah maksima tidak melebihi RM100,000.
3. Memberitahu syarikat supaya menuntut semula yuran perundingan di bawah Skim Bantuan Pembangunan Francais daripada PNS setelah ia mendapat lesen sebagai francaisor kelak.
4. Perunding juga dikehendaki membantu mempromosi skim-skim francais lain yang ditawarkan oleh PNS.

Selamat berkhidmat dan diharap tuan dapat menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan profesional.

Sekian, terima kasih.

"RAKAN PERNIAGAAN FRANCAIS ANDA"

Yang benar,

RUSDI HAJI IBRAHIM
Pengarah Urusan